

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN “PELUANG KEEMASAN” UNTUK AGROGOLD ACCOUNT-i

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini bermula dari **1 Disember 2025 sehingga 31 Mei 2026**.

2. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip **Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat)**.
- b) Berdasarkan prinsip **Hibah Mu'allaqah**, pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baharu dan Pelanggan Sedia Ada Agrobank yang merupakan pemegang AgroGold Account-i yang aktif.
- b) Seluruh warga Agrobank layak untuk menyertai Kempen ini, **kecuali** kakitangan Agrobank yang berkhidmat di jabatan **Deposit / Wealth Management Department** dan **Marketing Management Section** tidak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini. Namun begitu, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Agrobank di jabatan tersebut dibenarkan menyertai Kempen ini.
- c) Pelanggan mestilah membuat pelaburan dalam emas digital menggunakan AgroGold Account-i.

4. MEKANISMA KEMPEN

Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan yang layak hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut semasa Tempoh Kempen:

- i. Untuk penyertaan awal (**Early Bird**): Melabur sekurang-kurangnya RM500 dalam satu resit. (500 pelanggan pertama akan menerima bekas minuman istimewa).
- ii. Untuk Sistem MP (**Hadiah Utama & Saguhati**): Mendapat 1 Mata Penyertaan (MP) bagi setiap 1 gram emas yang dibeli (maksimum 1,000 MP). Cabutan akan dilakukan selepas kempen tamat.
- iii. Untuk **Hadiah Bulanan**: 15 pembeli emas tertinggi setiap bulan akan menerima RM200 emas digital (maksimum 2 hadiah bulanan bagi setiap pelanggan, dan masih layak untuk hadiah lain).

5. HADIAH

Pelanggan yang layak akan menerima hadiah seperti berikut:

- i. **“Early Bird Participation” (Penyertaan Awal)**: Bekas minuman istimewa. (500 unit).
- ii. **Hadiah Utama**: Motosikal Honda Vario 125 (2 unit).
- iii. **Hadiah Saguhati**: Baucar Habib Jewel bernilai RM1,000 (6 keping).
- iv. **Hadiah Bulanan**: RM200 bernilai emas digital (15 pemenang setiap bulan, jumlah 90 pemenang).

6. PEMILIHAN PEMENANG

- a) Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan dan mekanisme kempen seperti yang dinyatakan di atas akan ditentukan sebagai pemenang atas dasar cabutan untuk Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati, serta kedudukan tertinggi untuk hadiah bulanan.
- b) Hadiah akan dikreditkan atau dihantar kepada pemenang selepas tamat Tempoh Kempen atau pada tarikh lain yang akan ditentukan oleh Agrobank.
- c) Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.
- d) AgroGold Account-i Pelanggan mestilah aktif dan mempunyai rekod yang baik sepanjang Tempoh Kempen dan semasa pengagihan hadiah. Sekiranya Pelanggan menutup akaun berkaitan sebelum hadiah diagihkan, Agrobank berhak membatalkan kelayakan Pelanggan daripada menerima hadiah.
- e) Agrobank berhak untuk mengumumkan atau memaparkan butiran pemenang (contoh: nama dan sebahagian nombor kad pengenalan) di laman sesawang rasmi Agrobank (www.agrobank.com.my) dan/atau halaman media sosial rasmi Agrobank dan/atau melalui kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Agrobank.
- f) Penentuan pemenang oleh Agrobank adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes tidak akan dilayan.

7. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan juga secara rasminya bersetuju untuk membenarkan pihak Agrobank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan penerima bagi tujuan publisiti dan pengiklanan, melainkan Pelanggan menarik balik kebenaran tersebut secara bertulis. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- c) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:
 - i. Pusat Panggilan Agrobank 1-300-88-2476;
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my; atau
 - iii. Kunjungi Cawangan Agrobank berdekatan.
- d) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Agrobank.
- e) Pihak Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Agrobank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Agrobank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan bagi menyertai Kempen ini.
- g) Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.